



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

BENIH PADI IS21 TINGKATKAN PRODUKTIVITI PENGELUARAN PADI NEGARA

SEKINCHAN, 20 NOVEMBER 2021 –YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob hari ini telah melancarkan benih padi IS21 dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinaran gama, yang dibangunkan atas inisiatif Nuklear Malaysia, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

YAB Dato' Seri Ismail Sabri berkata, “Inisiatif MOSTI ini selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri (Self-Sufficient Level) padi negara. Dalam memastikan negara sentiasa bersiap siaga bagi mendepani cabaran keselamatan dan bekalan makanan mencukupi berikutan jangkaan peningkatan penduduk dunia menjelang 2050, kemajuan yang diraih daripada teknologi baka baharu IS21 ini dialu-alukan oleh keseluruhan ekosistem agromakanan.”

Tambah YAB Perdana Menteri lagi, “Untuk memastikan matlamat transformasi negara ke arah negara berteknologi tinggi, program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dikenalpasti sebagai salah satu teras utama Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu

pelan pembangunan menyeluruh untuk manfaat Keluarga Malaysia yang Makmur, Inklusif dan Mampan. Usaha MOSTI dalam memantapkan penyelidikan teknologi agromakanan seperti benih padi IS21 hari ini adalah selaras dengan hasrat transformasi ekonomi negara daripada status pengguna teknologi kepada pembangun teknologi.”

Padi IS21 menggunakan kaedah mutasi aruhan sinaran nuklear ke atas tanaman padi, merupakan antara pencapaian terbaik kajian biak baka mutasi di Malaysia kerana mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan dalam industri padi negara seperti hasil tuai yang tinggi, mempunyai daya ketahanan terhadap penyakit karah, tahan cuaca tidak menentu seperti kemarau dan banjir dan seterusnya potensi meningkatkan pendapatan dan sosio-ekonomi para pesawah.

Teknologi biak baka mutasi ini merupakan alternatif kepada prosedur pembaikbakaan konvensional. Ia berpotensi digunakan ke atas tanaman agromakanan dalam menghasilkan varieti yang mempunyai ciri-ciri lebih baik antaranya seperti ketahanan terhadap perubahan cuaca mendadak, ketahanan terhadap tekanan biotik dan abiotik serta pengeluaran hasil cepat dan mempunyai kualiti yang lebih baik dari segi zat dan nutrisi.

Sementara itu, YB Dato’ Sri Dr. Adham Baba, Menteri MOSTI menjelaskan, “Usaha membangunkan benih padi menggunakan teknologi baharu oleh Nuklear Malaysia telah mula membuka peluang perusahaan dan pekerjaan amat memberangsangkan kepada penduduk Sekinchan dan persekitarannya. Ini merupakan contoh hasil penyelidikan dari makmal ke pasaran yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.”

Benih padi baharu ini dapat membantu para pesawah meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dengan anggaran hasil 35% lebih tinggi dibandingkan

dengan purata kebangsaan selain mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa akan datang.

Varieti Padi IS21 telah didaftarkan di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 Jabatan Pertanian melalui *Certificate of Registration of New Plant Variety and Grant of Breeder's Right* (Nombor Pendaftaran: PBR 0156 (NMR152)).

Sementara itu, Padi IS21 ini telah diiktiraf oleh Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi negara. Melalui subsidi ini, pesawah boleh mendapatkan benih padi pada harga RM35 untuk 20kg.

Sehingga kini, terdapat lebih 15,000 pesawah padi di seluruh negara telah menerima dan menanam Padi IS21 ini.

Pada 20 September 2021, Nuklear Malaysia telah menerima pengiktirafan *Outstanding Achievement Award in Plant Mutation Breeding* daripada *International Atomic Energy Agency (IAEA)* dan *Food and Agriculture Organization (FAO)* sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria untuk pembiakan mutasi tumbuhan dan bioteknologi yang telah meningkatkan keselamatan makanan melalui teknologi sinaran.

TAMAT

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI